

CLOSED STACKS

PERDAGANGAN DAN DASAR BRITISH TERHADAP
CANDU DI SELANGOR SEJAK PENGHULUJUNG ABAD
KE-19

OLEH

NAMA: CHUA GHEE THENG
NO. MATRIKS: AGE 99003

Disertasi ini untuk memenuhi sebahagian keperluan Ijazah Sarjana Sastera
Sejarah Malaysia (Secara Berkursus dan Disertasi) dengan Kepujian.

JABATAN SEJARAH
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
2000/2001

Perpustakaan Universiti Malaya



A510475417

an

Dimikrofikas pada..... 31. 09. 2002.....
No. Mikrofis..... 15962.....
Jumlah Mikrofis..... 2.....

HAMSIAH BT. MOHAMAD ZAHARI
UPR UNIT REPROGRAFI
PERPUSTAKAAN UTAMA
UNIVERSITI MALAYA

Perakuan Pelajar

Dengan ini, saya yang bernama di bawah mengaku bahawa disertasi ini tidak mengandungi sebarang bahan-bahan yang pernah menerima anugerah atau Ijazah atau Diploma daripada mana-mana universiti sepanjang pengetahuan saya. Disertasi ini tidak mengandungi bahan-bahan yang pernah ditulis atau diterbitkan melainkan jika diberitahu sumber petikannya.

Tandatangan



Nama	:Chua Ghee Theng
No. Kad Pengenalan	:760316-03-5448
No. Matriks	:AGE 99003
Tarikh	:20 Jun 2001

Prakata

Perdagangan candu di Tanah Melayu dan Negeri-negeri Selat memang bukanlah sesuatu yang tidak pernah dibincangkan oleh para sejarawan atau satu tajuk baru yang tidak pernah didengar. Isu ini memang telah kerap disebutkan di dalam banyak tulisan akademik tetapi perbincangan yang lebih mengkhusus terhadap perdagangan candu di Selangor adalah amat terhad. Oleh itu, dalam disertasi ini akan dikupas tentang perjalanan perdagangan candu di negeri Selangor iaitu salah sebuah negeri di Tanah Melayu dengan bilangan pengguna candu yang terbesar.

Di dalam bab yang pertama, akan disentuh sedikit sebanyak tentang latar belakang perdagangan candu di Negeri-negeri Selat dan Tanah Melayu termasuk negeri Selangor. Di sini, fokus diberikan kepada permulaan perdagangan candu, penggunaannya dan juga kepentingannya kepada Tanah Melayu secara umum. Bab yang seterusnya pula memberikan perhatian yang lebih khusus kepada perjalanan perdagangan candu di Selangor pada abad ke-19 dengan tumpuan kepada sistem yang digunakan dalam perniagaan candu dan juga perkaitannya dengan sektor perlombongan bijih timah. Dengan kata lain, hubungan di antara perdagangan candu dengan perlombongan bijih timah yang saling bergantungan akan diberi perhatian.

Bab ketiga akan menjurus kepada perubahan dasar British di mana sikap dan pandangan pihak pentadbir terhadap perdagangan komoditi ini akan diteliti. Berbagai-bagai perubahan yang telah dijalankan seperti penghapusan sistem pajakan hasil candu (*opium farming*), pembaharuan undang-undang buruh, peningkatan duti ke atas candu dan perlaksanaan sistem monopoli kerajaan dalam perniagaan candu akan dikaji. Ini membawa kepada bab keempat yang membincangkan masalah dan isu-isu yang berkaitan dengan candu sepanjang perjalanan perdagangan candu di Selangor. Antara masalah yang paling popular yang diketengahkan adalah penyeludupan candu, penggunaan di rumah-rumah pelacuran, pengambilan *chandu dross* dan pergerakan anti-candu baik di peringkat Selangor mahupun di peringkat antarabangsa. Keseluruhan perkembangan perdagangan candu disimpulkan dalam bab yang terakhir.

Ringkasnya, apa yang ingin disampaikan dalam disertasi ini adalah perbincangan tentang perjalanan perdagangan candu di Selangor yang dimulakan dan di bawah kawalan pihak British, bermula pada penghujung abad ke-19 dan dekad-dekad awal abad ke-20. Diharapkan disertasi ini akan dapat membantu pemahaman perjalanan sejarah ekonomi Selangor pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 khususnya dari segi dasar ekonomi yang diamalkan oleh British di negeri ini.

Abstrak

Disertasi yang bertajuk “Perdagangan dan Dasar British Terhadap Candu Di Selangor Sejak Penghujung Abad Ke-19” merupakan satu penulisan yang akan memberi satu gambaran menyeluruh perjalanan perdagangan candu di Selangor. Ia turut menyelitkan perubahan dalam bentuk penggunaan candu, perkembangan perjalanan perdagangan candu yang amat bergantung kepada pendirian dan kehendak British, isu-isu penting yang berkaitan dengan candu serta kepentingannya kepada negeri Selangor.

Perjalanan perdagangan candu di Tanah Melayu, khususnya di negeri-negeri pengeluar bijih timah seperti Perak dan Selangor merupakan satu aspek yang penting dalam sejarah ekonomi Malaysia. Malangnya, dalam pensejarahan Malaysia yang kurang memberatkan kepada sejarah ekonomi setakat ini lebih cenderung memberikan perhatian kepada perkembangan sektor-sektor ekonomi seperti perlombongan bijih timah dan perladangan. Sebaliknya aspek yang menyumbangkan kepada kejayaan sektor-sektor ini iaitu peranan yang dimainkan oleh perdagangan candu menerusi sistem pajakan hasil hampir diabaikan. Dengan ini, salah satu objektif disertasi ini adalah untuk mengisi kekosongan yang telah diabaikan oleh kebanyakan penulisan sejarah ekonomi khususnya di Selangor.

Satu perkara yang menarik tentang peranan perdagangan candu yang dijalankan menerusi sistem pajakan hasil iaitu dalam bentuk *opium farm* dan *coast chandu farm* sebenarnya mempunyai kepentingan dalam pengkajian sejarah selain daripada berfungsi sebagai satu mekanisme perdagangan dan perniagaan candu. Dari satu sudut, ia berfungsi sebagai penjana kepada perkembangan ekonomi negeri, baik dari segi kutipan duti yang dikenakan, pengeluaran lesen perdagangan candu dan sumbangannya dalam pelbagai sektor ekonomi khususnya dalam industri perlombongan bijih timah. Di sudut yang lain pula, ia boleh dilihat sebagai satu bentuk kompromi di antara pihak kerajaan dengan pemodal dan ketua-ketua kongsi gelap Cina di dalam negeri yang mengawal majoriti masyarakat Cina. Selain daripada itu, perdagangan candu turut memberikan sumbangan dalam industri-industri baru di Tanah Melayu seperti bank, insurans, perkapalan dan sebagainya yang boleh dianggap sebagai teras dalam struktur ekonomi pada abad ini.

Satu lagi aspek yang akan diketengahkan dalam disertasi ini adalah dari segi dasar British itu sendiri yang bertanggungjawab dalam menentukan haluan perjalanan perdagangan candu dan sejarah Malaysia sendiri. Kepentingan sebenar candu pada peringkat awal yang terhad untuk bidang perubatan telah berubah menjadi satu komoditi British yang terpenting dalam perdagangannya dengan China dan seterusnya menjadi salah satu bahan untuk mengeksplotasi tenaga buruh di Tanah Melayu. Di samping itu, perdagangan candu turut digunakan sebagai satu alat untuk

menggalakkan kemasukan pemodal-pemodal Cina ke Selangor dan juga untuk memaksa mereka meninggalkan sektor ekonomi yang diceburi mereka kemudiannya. Ini bermakna perdagangan candu telah digunakan oleh British sebagai alat yang akan menentukan struktur ekonomi yang diingininya.

Yang paling menyedihkan di sini adalah kesan daripada perdagangan candu ke atas masyarakat di Tanah Melayu termasuk Selangor yang telah menghasilkan sejumlah besar pengguna candu yang mendatangkan pelbagai masalah sosial dalam masyarakat. Ini membawa kepada satu persoalan yang turut dikupas dalam penulisan ini iaitu sebab pihak British yang masih meneruskan perdagangan ini meskipun ia sentiasa mendapat kritikan dari segi moral. Di sini dapat dilihat bahawa pihak pentadbir British sememangnya amat mementingkan keuntungan ekonomi yang boleh dikaut dari kawasan ini berbanding dengan kebajikan masyarakat yang berada di bawah kekuasaannya.

Akhir kata, isu perdagangan candu ini sebenarnya merupakan satu aspek yang penting dalam sejarah Malaysia dan peranannya harus diambilkira dalam penulisan sejarah negara ini. Walaupun ia turut membuka jalan kepada perbincangan dalam aspek sosial dan politik, namun perhatian yang diberikan oleh disertasi ini adalah lebih diberatkan pada sudut peranan ekonomi candu dan juga sikap British terhadap isu ini.

Penghargaan

Setelah sekian lama berusaha, akhirnya disertasi ini telah siap jua. Terlebih dahulu ingin saya menujukan penghargaan khas buat keluarga tercinta, khasnya ibubapa saya, adik-adik saya- Owi Keat, Loo Wei dan Loo Khoon yang setia berdiri di belakang menyokong dan memberi semangat kepada saya untuk menjayakan disertasi ini.

Penghargaan yang tidak terhingga juga ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Loh Wei Leng yang sudi menyelia saya, meluangkan masa berharganya memberi tunjuk ajar dan memperbaiki kelemahan-kelemahan yang ada pada penulisan saya ini. Setinggi penghargaan juga diucapkan kepada Prof. Dr. Ramlah Adam, penyelaras program Ijazah Sarjana Sejarah Malaysia atas sokongan moral yang diberikan untuk menyiapkan disertasi ini dalam masa yang singkat. Tidak lupa juga kepada pensyarah-pensyarah saya, khususnya Encik Danny Wong Tze-ken, Encik Sivachandralingam Sundara Raja, Encik Zulkanain Abdul Rahman, Encik Azharuddin Mohamed Dali dan Encik Suffian Mansor atas segala bimbingan dan nasihat mereka.

Selain itu, saya juga ingin merakamkan setinggi terima kasih kepada kakitangan Jabatan Sejarah Universiti Malaya; kakitangan Pejabat Dekan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya; pegawai-pegawai Perpustakaan Utama dan Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya dan pegawai-pegawai Arkib Negara Malaysia yang telah menghulurkan bantuan kepada saya. Begitu juga dengan teman-teman saya yang sentiasa memberi perangsang kepada saya sepanjang penulisan ini.

Ternyata untuk menghasilkan sebuah disertasi bukanlah sesuatu yang mudah tetapi tanpa semua bantuan kalian, sudah tentu ia mustahil disempurnakan. Akhir sekali, saya mendedikasikan disertasi ini kepada semua yang telah terlibat dalam membantu menjayakannya.

Chua Ghee Theng
Jabatan Sejarah
Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya

Kandungan

Prakata	i
Abstrak	iii
Penghargaan	vi
Senarai Singkatan	x
Daftar Jadual	xi
Glosari	xii
Bab 1: Pengenalan Candu	1
Pengenalan Kepada Perdagangan Candu	
Kepentingan Perdagangan Candu Ke Atas Tanah Melayu	
Penggunaan Candu di Tanah Melayu	
Bab 2: Perkembangan Perdagangan Candu di Selangor Abad Ke-19	17
Permulaan Campurtangan British di Selangor	
Perlaksanaan Sistem Pajakan Hasil ke atas Candu di Selangor	
Perlombongan Bijih Timah di Selangor dan Perkaitannya dengan Candu	
Kepentingan Perdagangan Candu di Selangor Pada Abad Ke-19	

Bab 3: Perubahan Corak Dasar British	38
Penghapusan Sistem Pajakan Hasil Candu	
Kenaikan Duti Ke Atas Candu	
Penghapusan Sistem <i>Truck</i>	
Sistem Monopoli Kerajaan Dalam Perdagangan Candu	
Penilaian Kepada Kejayaan Sistem Monopoli oleh Kerajaan di Selangor	
Bab 4: Masalah dan Isu dalam Perdagangan Candu	64
Penyeludupan	
Penggunaan <i>Chandu Dross</i> di Selangor	
Penggunaan Candu di Rumah-rumah Pelacuran	
Pengerakan Anti-Candu di Selangor	
Bab 5: Kesimpulan	94
Lampiran	105
Bibliografi	111

Senarai Singkatan

AR	Annual Report
BMOC	British Malaya Opium Committee
BR	British Resident
CO	Colonial Office
CP	Chinese Protectorate
FMS	Federated Malay States
FMSGG	Federated Malay States Government Gazette
Gov.	Governor
Govt.	Government
H Com.	High Commissioner
HCOF	High Commissioner's Office Files
JMBRAS	Journal of the Malaysian (Malayan) Branch of the Royal Asiatic Society
JSEAS	Journal of Southeast Asian Studies
MAS	Modern Asian Studies
MBRAS	Malaysian (Malayan) Branch of Royal Asiatic Society
NMB	Negeri-negeri Melayu Bersekutu
ROC	Report of Opium Commission
RG	Residen-General
Sec. State	Secretary of the States for the Colonies
Sel.	Selangor
Supt.	Superintendent
SCA	Secretary of Chinese Affairs
SGG	Selangor Government Gazette
SSF	Selangor Secretariat Files
SSGG	Straits Settlements Government Gazette

Daftar Jadual

I	Duti Yang Dikenakan Ke Atas Candu di Selangor, 1885-1901	47
II	Kedai-kedai Penjualan <i>Chandu</i> di Selangor	60
III	Harga Penjualan <i>Chandu</i> oleh Kerajaan dan Harga Penjualan <i>Chandu</i> Secara Borong di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 1910-1919	61
IV	Tarikh-tarikh penting dalam Perkembangan Sekatan Ke Atas Candu	66

Glosari

Chandu	Candu yang telah diproses/dimasak
Chandu farm/farming	Pajakan hasil <i>chandu</i>
Chandu farmer	Pemajak hasil <i>chandu</i>
Country trader	Pedagang negeri
Farm rent	Sewa pajakan hasil
Opium	Nama umum bagi candu dan candu mentah
Opium farm/farming	Pajakan hasil candu
Opium farmer	Pemajak hasil candu
Revenue farm/farming	Pajakan hasil
Revenue farmer	Pemajak hasil